

Headline **Kakak galas tugas jaga tiga adik**
Date **14 Nov 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S13**
Article Size **281 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,546**
PRValue **4,637**



Kakak galas tugas jaga tiga adik

Kedua ibu, bapa meninggal dunia akibat kanser wah meninggal dunia.

SELAYANG – Pemergian pasangan suami isteri yang menghidap penyakit kanser dalam masa dua hari berturut-turut menyebabkan anak sulung pasangan ini kini terpaksa menggalas tugas menjaga tiga adik-adiknya.

Syarafina Kamaruzzman, 18, berkata, dia reda nasib bapanya, Kamaruzzaman Nawawi, 48, yang menghidap kanser paru-paru tahap empat meninggal dunia pada 6.50 pagi Isnin lalu, manakala ibunya, Zainab Bakar, 49, pula meninggal dunia selang sehari selepas dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU), Hospital Kulim, Kedah.

“Mungkin sudah ajal mereka, saya hanya berserah dan perlu menyesuaikan diri dalam suasana baru, selepas ketiadaan mereka.

“Tiada banyak kelainan sebelum bapa meninggal dunia, cuma hanya tidak mahu makan sehari sebelumnya, manakala ibu sempat menyatakan hasrat supaya saya dapat terus melanjutkan pelajaran demi masa depan,” katanya.

Dia berkata demikian ketika dihubungi Sinar Harian setelah dimaklumkan berhubung perkara menimpa keluarganya oleh wakil penduduk.

Nasib pasangan ini yang juga kakitangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) itu pernah disiarkan akhbar ini pada 31 Oktober lalu, berhubung ketabahan keluarga terbabit mengharungi dugaan yang bertimpa.

Difahamkan keluarga Syarafina mengetahui bapanya menghidap kanser hanya beberapa minggu sebelum ar-

Kamaruzzaman sebelum itu pula sempat melawat ibunya yang sakit tenat di Pasir Puteh Kelantan kerana sakit tua.

“Selepas melawat nenek di Kelantan, bapa pulang ke rumah sewa kami di Kepong Ulu dua hari sebelum meninggal dunia. Manakala ketika itu, ibu pula sudah dibawa balik ke kampungnya di Kampung Kulim, Kedah, atas permintaannya kerana mahu berubat cara kampung.

“Jadi, ketika bapa meninggal, ibu ketika itu di wad ICU pun tidak tahu kerana doktor menasihatkan agar dia tidak dimaklumkan. Tahu-tahu ajalnya pula sampai selepas itu,” katanya.

Ketika ditanya bagaimana proses penjagaan adik-beradiknya selepas ini, Syarafina berkata, ibu saudaranya yang tinggal di Kampung Kulim akan mengambil alih tugas menggantikan arwah ibu bapanya.

Katanya, dua adiknya, Syamir, 13, dan Syakir, 8, pula akan ditukarkan sekolah dari Kepong Ulu ke Kampung Kulim, selepas ini.

Sementara seorang lagi adiknya, Syafaiq, 17, akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak lama lagi.

“Terima kasih kepada semua pihak terutama kakitangan Frim dan penduduk yang mengadakan solat hajat untuk ibu bapa kami, serta pihak sekolah yang terlibat.

“Dalam masa terdekat, kami mungkin akan balik ke Kepong Ulu untuk mengemas barang sebelum berpindah ke Kedah,” katanya.

Headline **Kakak gelas tugas jaga tiga adik**
 Date **14 Nov 2010**
 MediaTitle **Sinar Harian**
 Section **Selangor & KL**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
 Page No **S13**
 Article Size **281 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **1,546**
 PRValue **4,637**

Bagi mereka yang prihatin terhadap nasib empat beradik ini dan sudi membantu mereka boleh menghubungi Syarafina menerusi talian, 017-2590015 atau 017-3424970

“Mungkin sudah ajal mereka, saya hanya berserah dan perlu menyesuaikan diri dalam suasana baru, selepas ketiadaan mereka.”

■ Syarafina

Keluarga tabah dugaan bertimpa

Laporan Sinar Harian 31 Oktober lalu berhubung ketabahan keluarga mengharungi dugaan yang bertimpa.